

NOTIS REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

Landasan Lumayan Sdn. Bhd. (“**LLSB**”), anak Syarikat milik penuh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (“**MBI**”) dan bertindak sebagai Pemaju Induk di bawah mandat Kerajaan Negeri Selangor, dengan ini mempelawa pemaju swasta yang berkelayakan dan berpengalaman untuk menyertai *Request for Proposal* (“**RFP**”) bagi Cadangan Pembangunan Usaha Sama untuk Pembangunan Semula Kampung Fajar, Mukim Bandar Hulu Kelang, Gombak, Selangor.

Syarikat yang berpengalaman dalam pembangunan bangunan ‘*high-rise*’ adalah dipelawa untuk menyertai RFP ini.

TAJUK RFP DAN NO. RFP	KEPERLUAN SEMASA PENDAFTARAN	YURAN DOKUMEN RFP	TAKLIMAT RFP
<p>REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN USAHA SAMA UNTUK PEMBANGUNAN SEMULA KAMPUNG FAJAR, MUKIM BANDAR HULU KELANG, GOMBAK, SELANGOR KAMPUNG FAJAR, MUKIM BANDAR HULU KELANG, GOMBAK, SELANGOR</p> <p>NO RFP: LLSB/SMG/PCM/RFP/04/26-001</p>	<p>Mesti mempunyai dokumen sah seperti berikut:</p> <p>Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</p>	<p>Setiap Dokumen RFP Softcopy</p> <p>RM5,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ribu sahaja) (Tidak akan dikembalikan)</p> <p>Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk ‘<i>Online Transfer</i>’ kepada: -</p> <p>Landasan Lumayan Sdn. Bhd. (201201019223(989368-H))</p> <p>No. Akaun: CIMB Bank Berhad 8008731874</p> <p><i>(Sila bawa bersama resit pembayaran sebagai bukti pembelian dokumen RFP)</i></p>	<p>Semua Pencadang dikehendaki mendaftar pada hari Rabu, 3 Jun 2026 di lokasi berikut pada 9.30pagi hingga 10.30pagi</p> <p>Tarikh : Rabu, 3 Jun 2026</p> <p>Masa : 10.30pagi</p> <p>Lokasi : Bilik Mesyuarat LLSB, Tingkat 18, Wisma Ehsan, BSN Cawangan Utama Negeri Selangor Persiaran Dato’ Menteri, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan</p>

Pencadang **HENDAKLAH** memenuhi kesemua kriteria yang dinyatakan seperti berikut:

KRITERIA UTAMA

Nota: Bagi JV/Konsortium, penilaian teknikal dan kewangan akan dilaksanakan berdasarkan pegangan ekuiti dan/atau sumbangan berwaran (*weighted contribution*) setiap ahli, seperti yang diperincikan selanjutnya dalam Dokumen RFP

- 1) Syarikat yang berminat mestilah telah mempunyai pengalaman berjaya menyiapkan projek pembangunan bercampur berstrata dalam tempoh 10 tahun yang lalu.
- 2) Projek tersebut hendaklah merangkumi mana-mana kombinasi komponen berikut:
 - a. Unit kediaman dan/atau pangsapuri perkhidmatan; dan
 - b. Pusat beli-belah, lot kedai dan/atau ruang niaga.
- 3) Pemaju yang mempunyai keupayaan anak syarikat pembinaan (*in-house construction arm*), sama ada melalui syarikat berkaitan atau entiti dalam kumpulan yang sama, adalah diberi keutamaan.
- 4) Digalakkan mempunyai pengalaman membangunkan projek dalam kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).
- 5) Syarikat yang berminat mestilah mempunyai pendaftaran yang sah dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777], sama ada sebagai entiti tunggal atau sebagai sebahagian daripada usaha sama / konsortium.

Dokumen RFP boleh dibeli mulai hari **Rabu, 3 Jun 2026 sehingga hari Jumaat, 5 Jun 2026** di pejabat berikut:

TEMPAT PEMBELIAN DAN PENYERAHAN DOKUMEN RFP	WAKTU OPERASI
<p>Landasan Lumayan Sdn Bhd Tingkat 18, Wisma Ehsan, BSN Cawangan Utama Negeri Selangor Persiaran Dato’ Menteri, Seksyen 14 40000 Shah Alam, Selangor</p>	<p>Isnin hingga Khamis: 9:00pg – 12:30ptg dan 2:30ptg – 5.00ptg Jumaat: 9:00pg – 12:00ptg dan 3.00ptg – 5.00ptg</p>

Pencadang boleh membeli dokumen RFP secara elektronik dengan menghubungi Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB) di kgfajar.rfp@llsb.my

Tarikh penyerahan RFP adalah pada hari **Jumaat, 19 Jun 2026, selewat-lewatnya 12:00 tengahari**. Penyerahan lewat akan dibatalkan.

Nota:

1. Pencadang dibenarkan membentuk JV/Konsortium yang terdiri daripada tidak melebihi tiga (3) syarikat.
2. JV/Konsortium dikehendaki mengemukakan Perjanjian Pra-Tender JV/Konsortium atau Memorandum Persefahaman (MoU) atau Surat Aku Janji (LoU) semasa penyerahan cadangan. Perjanjian tersebut hendaklah menyatakan dengan jelas rakan utama, pegangan ekuiti semua ahli serta klausa “Bertanggungjawab Secara Bersama dan Berasingan” oleh semua ahli JV/Konsortium. Pencadang tidak dibenarkan menukar rakan JV/Konsortium selepas tarikh tutup RFP.
3. Pencadang hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) penyerahan sahaja, sama ada sebagai entiti tunggal atau sebagai rakan JV/Konsortium. Pencadang yang didapati menyertai lebih daripada satu (1) penyerahan cadangan akan menyebabkan semua cadangan tersebut dibatalkan secara automatik.
4. Sebarang pertanyaan berkaitan RFP ini hendaklah di buat secara bertulis dan di e-mel kepada kgfajar.rfp@llsb.my Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang kami di www.selangormaritimegateway.com.

Semua Pencadang akan dinilai selanjutnya berdasarkan kriteria teknikal, kewangan, perundangan dan komersial secara terperinci sebagaimana yang dinyatakan dalam Dokumen RFP. LLSB berhak menolak mana-mana cadangan yang tidak memenuhi keperluan yang ditetapkan dalam Dokumen RFP.